

**PERJANJIAN BERSAMA  
KERANGKA KERJASAMA  
PAKATAN HARAPAN  
DAN  
PARTI PRIBUMI BERSATU  
MALAYSIA**

**Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN)**

**Parti Tindakan Demokratik (DAP)**

**Parti Amanah Negara (AMANAH)**

**DAN**

**Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM)**

*13 Disember 2016*

PERJANJIAN ini adalah di antara:

**Pakatan Harapan** yang diwakili oleh:

**Parti Keadilan Rakyat** atau **KEADILAN** yang diwakili oleh Presidennya Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail;

**Parti Tindakan Demokratik** atau **DAP** yang diwakili oleh Setiausaha Agungnya Saudara Lim Guan Eng; dan

**Parti Amanah Negara** atau **AMANAH** yang diwakili oleh Presidennya Haji Mohamad Sabu

Bersama

**Parti Pribumi Bersatu Malaysia** atau **PPBM** yang diwakili oleh Presidennya Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin

Dengan ini memeterai satu perjanjian yang dinamakan **Perjanjian Kerjasama Pakatan Harapan – PPBM** mengenai persetujuan-persetujuan bersama oleh keempat-empat parti di dalam perkara-perkara seperti yang terkandung dalam dokumen ini.

Mewakili PAKATAN HARAPAN dan PPBM kami berjanji bahawa persetujuan-persetujuan ini akan dihormati, didokong dan dilaksanakan bersama oleh parti-parti kami selagi perjanjian ini berkuatkuasa dan persetujuan-persetujuan di dalamnya adalah mengikat keempat-empat parti.

**DATO' SERI DR WAN AZIZAH  
WAN ISMAIL  
Presiden KEADILAN**

**LIM GUAN ENG  
Setiausaha Agung DAP**

**HAJI MOHAMAD SABU  
Presiden AMANAH**

**TAN SRI DATO' HJ MUHYIDDIN  
HJ MOHD YASSIN  
Presiden PPBM**

Ditandatangani pada hari ini 13 Disember 2016 Masehi bersamaan 13 Rabi'ul Awwal 1438 Hijrah di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## **PERJANJIAN**

BAHAWASANYA Pakatan Harapan (yang terdiri daripada KEADILAN, DAP dan AMANAH); dan PPBM dengan ini bersetuju dan komited akan perkara-perkara berikut:

- I. Berjuang dengan berlandaskan kepada peruntukan dan semangat Perlembagaan 1957/63 terutamanya:
  - i. Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan bebas, aman dan damai di di negara ini sejajar dengan Perkara 3; serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputra Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain sejajar dengan Perkara 153;
  - ii. Mempertahankan peranan dan tanggungjawab institusi Raja berperlembagaan;  
*dan*
  - iii. Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu sejajar dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan memperluaskan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan lingua franca serantau, melindungi dan memperkukuhkan penggunaan dan pembelajaran bahasa ibunda semua kaum, serta meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris demi memperbaiki daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa.

2. Memperjuangkan Agenda Reformasi dalam kebangunan-semula negara demi rakyat dengan berpaksikan nilai-nilai yang dikongsi bersama, termasuk kebenaran, keadilan, kebebasan, integriti, kebajikan dan tatakelola yang baik.
3. Meletakkan satu calon sahaja untuk mewakili Pakatan Harapan - PPBM di dalam sesuatu pilihanraya di mana-mana peringkat setelah pembahagian kerusi ditentukan melalui perundingan di antara kedua pihak berdasarkan prinsip kebolehtewangan (winnability).
4. Berunding dengan parti yang belum berada di dalam perjanjian ini untuk memastikan seboleh mungkin satu calon sahaja yang akan mewakili pembangkang bagi melawan Barisan Nasional.
5. Mewujudkan gabungan parti-parti politik pembangkang sebelum Pilihanraya Umum ke 14 dengan tujuan untuk membentuk kerajaan selepas pilihanraya.
6. Mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Bersama untuk membincangkan pembahagian kerusi pilihanraya, manifesto dan logo bersama dan merangka gerakerja Pilihanraya Umum ke 14.
7. Atas semangat setiakawan dan kerjasama, parti-parti dalam rangka perjanjian ini hendaklah memelihara hubungan baik antara satu sama lain dan menyelesaikan pertikaian menerusi perundingan bersama.